

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN CUTI GAP YEAR UNIVERSITI MALAYA

1. LATAR BELAKANG

Program *Gap Year* telah diumumkan semasa Majlis Amanat Menteri Pendidikan Tinggi 2017 bagi memenuhi Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM(PT) iaitu melahirkan graduan holistik, seimbang dan bercirikan keusahawanan. Program *Gap Year* akan dilaksanakan dalam jangka masa setahun untuk pelajar membuat refleksi dan penerokaan diri menerusi program kesukarelawanan, keusahawanan, bersukan dan sebagainya.

Terdapat tiga bentuk program *Gap Year* yang ditawarkan iaitu :

- (1) *Gap Year* - Kesukarelawanan Khidmat Negara,
- (2) *Gap Year* - Kesukarelawanan; dan
- (3) *Gap Year* - Umum.

2. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan adalah untuk memberi penerangan berkenaan urusan pelaksanaan dan tatacara permohonan Cuti *Gap Year* di Universiti Malaya yang akan berkuatkuasa mulai Sesi Akademik 2017/2018.

3. OBJEKTIF GAP YEAR

Program *Gap Year* dilaksanakan bagi mencapai objektif berikut:

- (1) Memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk menangguhkan pengajian dalam sesuatu tempoh tertentu bagi mengenali potensi diri dengan menyertai aktiviti kesukarelawanan, keusahawanan, sukan dan sebagainya.
- (2) Meningkatkan kemahiran insaniah bagi tujuan mempertingkatkan kebolehpasaran graduan; dan
- (3) Mendapat manfaat hasil pelaksanaan program kesukarelawanan yang dijalankan oleh pelajar menerusi program pembangunan komuniti dan kesejahteraan rakyat.

4. KATEGORI GAP YEAR

- (1) *Gap Year* - Kesukarelawanan Khidmat Negara

Program ini akan menempatkan pelajar yang berminat ke agensi-agensi badan beruniform seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Pelajar akan berkhidmat sebagai sukarelawan di tiga agensi tersebut selama 1 tahun.

(2) *Gap Year* - Kesukarelawanan

Program *Gap Year* Kesukarelawanan merujuk kepada aktiviti kesukarelawanan yang memberi impak kepada komuniti/masyarakat/Universiti anjuran agensi yang diluluskan oleh Universiti.

Selain daripada aktiviti Kesukarelawan yang telah dirancang, pelajar juga boleh memohon untuk mengikuti program kesukarelawanan dengan kerjasama antara universiti peneraju yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bersama agensi yang terlibat seperti berikut:

BIL	UNIVERSITI PENERAJU	AGENSI
1	Universiti Utara Malaysia (UUM)	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
2	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
3	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	Islamic Relief Malaysia (IRM)
4	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) –	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
5	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
6	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)
7	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak(JPNP)

(3) *Gap Year* - Umum

Program *Gap Year* Umum terbuka kepada pelajar yang ingin menangguhkan pengajian bagi melibatkan diri di dalam aktiviti sukan, keusahawanan, meningkatkan kemahiran, melancong dan sebagainya. Program ini tidak mempunyai struktur spesifik seperti program *Gap Year* - Kesukarelawanan Khidmat Negara atau *Gap Year* - Kesukarelawanan. Pelajar bebas memilih program yang bermanfaat dan menambah nilai kemahiran mereka.

5. SYARAT KELAYAKAN

Pelajar yang layak menyertai program *Gap Year* mestilah memenuhi kriteria seperti berikut :

- (1) Warganegara Malaysia;
- (2) Bukan Warganegara (Hanya *Gap Year* Umum sahaja)
- (2) Berstatus AKTIF;
- (3) Memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh Universiti;
- (4) Pelajar tahun kedua dan ke atas yang belajar secara sepenuh masa di peringkat Ijazah Sarjana Muda;
- (5) Tempoh program *Gap Year* yang ingin disertai tidak melebihi satu tahun pengajian akademik; dan
- (6) Pelajar hanya dibenarkan untuk menyertai SATU kali sahaja program *Gap Year* sepanjang pengajian.

- (7) Mengemukakan surat sokongan/kelulusan daripada pihak penaja pengajian seperti MARA, JPA dan sebagainya.
- (8) Permohonan perlu dikemukakan 2 bulan sebelum semester biasa bermula

4. PROSEDUR PERMOHONAN

Pelajar yang berminat menyertai program *Gap Year* hendaklah melalui prosedur berikut:-

- (1) Menghantar borang permohonan rasmi *Gap Year* (Lampiran 1);
- (2) Menyediakan kertas kerja dengan disertakan dokumen sokongan (Format seperti di Lampiran 2);
- (3) Mengemukakan permohonan lengkap sebelum tarikh tutup permohonan;
- (4) Permohonan yang lengkap sahaja akan diproses;
- (5) Memohon kepada pihak agensi dan universiti secara bertulis sekiranya pelajar ingin memendekkan tempoh atau menarik diri daripada pelaksanaan program *Gap Year*.
- (6) Aktiviti yang ingin diikuti oleh pelajar perlu mendapat kelulusan Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) dan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh universiti.

5. TEMPOH GAP YEAR

Tempoh minimum program adalah selama satu semester biasa dan tempoh maksimum adalah selama dua semester biasa yang diambil secara berturut-turut. **Tempoh yang diluluskan untuk menjalani Cuti *Gap Year* tidak akan diambilkira sebagai sebahagian daripada tempoh minimum pengajian.**

6. YURAN PENGAJIAN

Pelajar yang diluluskan untuk mengikuti Cuti *Gap Year* tidak akan dikenakan caj yuran pengajian bagi tempoh tersebut.

7. TANGGUNGJAWAB

(1) PELAJAR

Pelajar yang menyertai program *Gap Year* mestilah:-

- (a) Melaksanakan pemeriksaan kesihatan bagi tujuan permohonan *Gap Year* – Kesukarelawanan dan *Gap Year* – Kesukarelawanan Khidmat Negara;
- (b) Mematuhi undang-undang yang sedang berkuatkuasa;
- (c) Menjaga nama baik kementerian, universiti dan agensi;
- (d) Mematuhi etika dan peraturan agensi sepanjang melaksanakan program *Gap Year*; dan

- (e) Mengemukakan laporan setelah tamat program *Gap Year*. Sekiranya tiada laporan diterima, status akan dikemaskini sebagai Cuti Semester Peribadi dan tempoh pengajian diambilkira.

(2) FAKULTI/PUSAT

- (a) Menyemak permohonan pelajar berdasarkan syarat yang ditetapkan;
- (b) Memperakukan permohonan pelajar; dan
- (c) Mengemukakan permohonan pelajar kepada HEPA

(3) BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI

- (a) Membuat hebahan kepada pelajar berdasarkan hebahan Universiti peneraju;
- (b) Menyaring permohonan pelajar mengikut kriteria yang ditetapkan;
- (c) Mengemukakan permohonan kepada Universiti Peneraju yang melibatkan program Kesukarelawanan;
- (d) Memastikan pelajar dilindungi dengan insurans yang berkaitan;
- (e) Mengemukakan permohonan yang telah diluluskan kepada Seksyen Kemasukan & Rekod;
- (f) Memantau dan memastikan pelajar mengemukakan laporan yang telah tamat;
- (g) Memberi markah Merit kepada pelajar berdasarkan tahap penglibatan yang bersesuaian; dan
- (h) Mengeluarkan surat kelulusan Cuti *Gap Year*

(4) SEKSYEN KEMASUKAN & REKOD

Mengemaskini status pelajar kepada **CUTI GAP YEAR (CGY)**

(5) UNIVERSITI PENERAJU

- (a) Membuat hebahan kepada pelajar universiti masing-masing;
- (b) Memilih permohonan pelajar yang lengkap mengikut kriteria universiti peneraju;
- (c) Mengadakan perbincangan dengan agensi berkenaan penempatan;
- (d) Mengeluarkan surat penawaran kepada pelajar yang layak sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh program diadakan;
- (e) Menjalankan sesi latihan yang bersesuaian mengikut keperluan agensi;
- (f) Memastikan pelajar mendapat penempatan yang bersesuaian;

- (g) Memantau aktiviti kesukarelawanan pelajar;
- (h) Menilai aktiviti kesukarelawanan pelajar (jika berkaitan); dan
- (i) Universiti peneraju boleh memberhentikan pelajar yang tidak mematuhi syarat *Gap Year* dengan persetujuan agensi dan memaklumkan kepada universiti pemohon.

(6) AGENSI

- (a) Memastikan pelajar tertakluk kepada syarat yang telah dipersetujui antara agensi dan universiti awam;
- (b) Mengadakan perbincangan dengan universiti peneraju berkenaan penempatan;
- (c) Menerima pelajar yang telah dipilih oleh universiti peneraju;
- (d) Memantau aktiviti kesukarelawanan pelajar;
- (e) Menilai aktiviti kesukarelawanan pelajar (jika berkaitan);
- (f) Menjaga kebajikan dan keselamatan pelajar; dan
- (g) Mencadangkan untuk memberhentikan pelajar yang tidak mematuhi syarat *Gap Year* dengan memaklumkan secara bertulis kepada pihak universiti peneraju.

7. PENUTUP

Adalah diharapkan program *Gap Year* dapat membantu pelajar khususnya untuk mencapai objektif program *Gap Year* iaitu menyemai semangat kesukarelawanan, patriotism, perpaduan dan penyayang.



PROGRAM GAP YEAR

BORANG PERMOHONAN

A) PEMILIHAN PROGRAM

(SILA TANDAkan / UNTUK PROGRAM YANG AKAN DISERTAI)

Pemohon hanya perlu memilih 1 (I atau II atau III) daripada 3 jenis program *Gap Year* di bawah

GAMBAR
PASSPORT

I) GAP YEAR NATIONAL SERVICE VOLUNTEERISM

TEMPOH

UiTM dan Angkatan Tentera Malaysia

1 Tahun

UiTM dan Angkatan Pertahanan Malaysia

1 Tahun

UKM dan Polis DiRaja Malaysia

1 Tahun

II) GAP YEAR VOLUNTEERISM

TEMPOH

UUM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

3 Bulan

UMS dan Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu (DBKK)

3 Bulan

UniSZA dan Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA)

3 Bulan

UMT dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

3 Bulan

UMT dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

3 Bulan

UUM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

3 Bulan

UTHM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN)

1 Tahun

UPSI dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPNP)

1 Semester

USIM dan Islamic Relief Malaysia (IRM)

1 Tahun

III) GAP YEAR (UMUM)

TEMPOH

(Nyatakan secara ringkas program yang akan dijalankan)

6 Bulan

1 Tahun

F) KURSUS KOKURIKULUM (* Hanya untuk Gap Year National Service Volunteerism)

KATEGORI KURSUS KOKURIKULUM

(Tuliskan Kod dan Nama Kursus pada ruang yang berkaitan)

Jika ruangan tidak mencukupi, sila sertakan lampiran

KATEGORI	KURSUS	SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6
BADAN BERUNIFORM	KOD						
	KURSUS						
BUKAN BADAN BERUNIFORM	KOD						
	KURSUS						

PENCAPAIAN GRED KURSUS KOKURIKULUM

SEMESTER	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	PENCAPAIAN (GRED)
1			
2			
3			
4			
5			
6			

PENGIKTIRAFAN (JIKA MENGIKUTI KURSUS KOKURIKULUM BADAN BERUNIFORM)

NYATAKAN PANGKAT TERAKHIR DITAUJIAHKAN (Jika Ada)

(Tandakan / pada kotak berkaitan)

<input type="checkbox"/>	INSPEKTOR SUKARELAWAN SIMPANAN POLIS
<input type="checkbox"/>	LEFTENAN MUDA (PALAPES DARAT)
<input type="checkbox"/>	LEFTENAN MUDA (PALAPES UDARA)
<input type="checkbox"/>	LEFTENAN MUDA (PALAPES LAUT)
<input type="checkbox"/>	LEFTENAN MUDA (PERTAHANAN AWAM)
<input type="checkbox"/>	LAIN-LAIN (Sila Nyatakan)

G) PERAKUAN PELAJAR

SAYA DENGAN INI MEMBERI PERAKUAN BAHAWA SEGALA BUTIRAN YANG DIBERIKAN ADALAH BENAR DAN SAYA TELAH MEMBUAT PERSIAPAN AWAL UNTUK MENJALANI PROGRAM GAP YEAR

TARIKH

TANDATANGAN

H) PERAKUAN IBU BAPA / PENJAGA

SAYA _____ NO KAD PENGENALAN _____
SELAKU IBU BAPA / PENJAGA DENGAN INI MEMBERI KEBENARAN KEPADA ANAK DIBAWAH JAGAAN SAYA UNTUK MENYERTAI PROGRAM GAP YEAR.

TARIKH

TANDATANGAN IBU BAPA/ PENJAGA

I) PERAKUAN DEKAN / WAKIL DEKAN

SAYA _____, DENGAN INI MEMBERI PERAKUAN BAHAWA PELAJAR YANG TERSEBUT DI ATAS ADALAH PELAJAR DI BAWAH PENGAWASAN SAYA. SAYA MENGESAHKAN BAHAWA SEGALA BUTIRAN YANG DINYATAKAN ADALAH BENAR

TARIKH

TANDATANGAN & CAP UNIVERSITI

J) KELULUSAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR)

SAYA _____, DENGAN INI MELULUSKAN PERMOHONAN PELAJAR INI UNTUK MENYERTAI PROGRAM GAP YEAR

TARIKH

TANDATANGAN & CAP UNIVERSITI

Syarat-syarat Kelayakan

Pelajar yang layak menyertai program Gap Year mestilah memenuhi kriteria seperti berikut :

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berdaftar dengan UA;
- iii. Memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh agensi berkenaan (Lampiran 3);
- iv. Pelajar tahun kedua dan ke atas yang belajar secara sepenuh masa di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda;
- v. Tempoh program Gap Year yang ingin disertai tidak melebihi satu tahun pengajian akademik; dan
- vi. Pelajar hanya dibenarkan untuk menyertai SATU kali sahaja program Gap Year sepanjang pengajian.
- vii. Mengemukakan surat sokongan daripada pihak penaja pengajian seperti MARA, JPA dan sebagainya.

Prosedur Permohonan

Pelajar yang berminat menyertai program Gap Year hendaklah melalui prosedur berikut:-

- i. Menghantar borang permohonan rasmi Gap Year (Lampiran 1) yang boleh diperolehi daripada laman web universiti peneraju
- ii. Menyediakan kertas kerja sekiranya memilih untuk menyertai program Gap Year - Umum berdasarkan format yang telah disediakan (lampiran 2);
- iii. Mengemukakan permohonan lengkap sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.



FORMAT KERTAS KERJA PROGRAM GAP YEAR (UMUM) UNIVERSITI MALAYA

1. Pendahuluan
2. Tujuan
3. Maklumat Program Gap Year
 - a. Jenis Gap Year
(Kepimpinan/Latihan/Keusahawanan/Kesukarelawan/
/Melancong/Pra-Pekerjaan)
 - b. Tarikh/Tempoh
 - c. Tempat
4. Implikasi Kewangan
5. Surat Sokongan Agensi/Korporat (Sekiranya berkaitan)
6. Penutup